

NO. SOALAN : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]**

**TARIKH JAWAPAN : 28 OKTOBER 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jumlah “*Non Revenue Water*” di setiap negeri. Nyatakan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian saya melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan supaya setiap operator air mempunyai program penurunan kadar NRW yang sistematik. Program tersebut dilaksanakan mengikut jadual dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan agar pengurangan kadar NRW di setiap negeri dapat mencapai sasarannya.
2. Antara langkah yang diambil untuk mengurangkan NRW ialah:
 - (i) memberikan fokus kepada program menurunkan kadar NRW yang melibatkan kehilangan komersial. Untuk tujuan itu, aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi membendung kes kecurian air melalui penyambungan haram telah ditingkatkan;
 - (ii) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas atau ***Task Force NRW*** yang dianggotai oleh operator-operator air, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan untuk

mengkaji semula, mengenalpasti serta menyeragamkan amalan-amalan terbaik (*best practices*) bagi mengurangkan NRW dengan berkesan;

- (iii) mensyaratkan supaya program pengurangan NRW yang dilaksanakan oleh operator-operator air dibuat dengan mewujudkan *District Metering Area* (DMA) dan *District Metering Zones* (DMZ), melaksanakan *Pressure and Demand Management, Active Leakage Detection and Leaks Repair*, menggunakan sistem bersepadu seperti *Supervisory Control Data Acquisition* (SCADA), *Geographic Information System* (GIS), sistem telemetri serta melaksanakan program penggantian paip usang.

Tuan Yang Dipertua,

3. Setakat ini, operator-operator air telah mencapai sasaran NRW yang telah ditetapkan oleh SPAN. Contohnya, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) telah berjaya menurunkan kadar NRW daripada 26.02% pada tahun 2010 kepada 22.10% pada tahun 2013. Saya percaya, sekiranya program NRW dilaksanakan secara holistik dan

berterusan, kadar NRW negara akan dapat diturunkan kepada 25% menjelang tahun 2020 seperti yang disasarkan.
